RANGKAIAN SEGAR SDN BHD A

lwn.

SHAMSUL ISMAIL SHAMSUDDIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
HARMINDAR SINGH DHALIWAL PK
[GUAMAN SIVIL NO: S7-22-783-2007]
28 NOVEMBER 2010

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman - Tuntutan - Tuntutan bayaran - Sama ada defendan memungkiri pembayaran - Keterangan dokumen dikemukakan - Sama ada terdapat pengakuan jelas - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 27 k. 3 - Penghakiman terhadap defendan - Sama ada patut dan wajar* C

KETERANGAN: *Keterangan dokumen - Kebolehterimaan - Dokumen menunjukkan surat pengakuan mengenai hutang - Sama ada terdapat pengakuan jelas - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 27 k. 3 - Penghakiman terhadap defendan - Sama ada patut dan wajar* D

Plaintif adalah sebuah syarikat yang telah memperkenalkan satu sistem jaringan pintar bagi operasi bayaran secara elektronik berasaskan teknologi kad pintar ("smartcard") yang dikenali sebagai "Touch & Go" dan "SmartTAG". Dengan menandatangani satu perjanjian, defendan telah dilantik sebagai wakil penjual/pengendali untuk menjual kad atau kad tambah nilai "Touch & Go" di tempat perniagaan defendan. Plaintif membawa tuntutan ini untuk menuntut jumlah sebanyak RM286,450 dengan dakwaan bahawa defendan telah memungkiri pembayaran kepada nilai yang dibekalkan tersebut. Dalam usaha untuk membuktikan kes, plaintif telah mengemukakan dua dokumen penting iaitu (a) eks. P1 ('dokumen P1') yang dikatakan adalah penyata akaun yang merangkumi Laporan Jualan dan Ringkasan Pembayaran dan (b) surat defendan bertarikh 12 Mac 2007 ("surat P2") iaitu surat pengakuan tentang hutang yang disebut. Defendan pula berhujah bahawa (i) P1 tidak lengkap oleh kerana ia merupakan satu ringkasan akaun yang diambil dari dokumen-dokumen asal dan (ii) defendan menafikan bahawa beliau telah menandatangani surat P2. E F G H

Diputuskan (penghakiman terhadap defendan untuk jumlah tuntutan): I

(1) Dokumen P1 telah dihasilkan selepas merujuk kepada beberapa dokumen seperti Electronic Payment System ("EPS") Transaction report dan "bank-in slips," iaitu primary evidence

atau source documents yang perlu dikemukakan kepada mahkamah sebagai bukti. Plaintif tidak boleh hanya bergantung kepada eks. P1 yang bukan keterangan asal. Walaubagaimanapun, di dalam kes ini, mahkamah berpuashati bahawa surat P2, yang jelas menunjukkan bahawa defendan mengaku hutang serta memberi penjelasan tentang bagaimana perkara keberhutangan ini boleh berlaku, memang dihantar oleh defendan kepada plaintif. Mengikut A. 27 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, mana-mana pihak boleh memperolehi penghakiman sekiranya terdapat pengakuan yang jelas (*Vithal Kumar Jayaraman v. Azman Md Nor*). Penghakiman terhadap defendan adalah patut dan wajar untuk jumlah tuntutan sebanyak RM286,450 mulai dari tarikh saman difailkan dengan faedah 8% setahun sehingga penyelesaian penuh.

Kes-kes yang dirujuk:

KPM Khidmat Sendirian Berhad v. Tey Kim Suie [1994] 3 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***

Popular Industries Ltd v. The Eastern Garment Manufacturing Co Sdn Bhd [1990] 1 CLJ 133; [1990] 2 CLJ (Rep) 635 HC ***(dirujuk)***

Vithal Kumar Jayaraman v. Azman Md Nor [2010] 3 CLJ 332 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, s. 65

Rules of the High Court 1980, O. 27 r. 3

Bagi pihak plaintif - Mohd Razif Mansor; T/n Zahir Razak & Co

Bagi pihak defendan - Sairil Hamd Abdul Manaf; T/n Shamsul Rijal & Assocs

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Harmindar Singh Dhaliwal PK:

[1] Plaintif dalam kes ini adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang pada masa material telah memperkenalkan satu sistem jaringan pintar bagi operasi bayaran secara elektronik berasaskan teknologi kad pintar ("smartcard") yang dikenali sebagai "Touch & Go" dan "SmartTAG". Dengan menandatangani satu perjanjian yang dikenali sebagai "Point of Sale Agreement" dan "Deed of

Adherence" bertarikh 1 Oktober 2010, defendan telah dilantik sebagai wakil penjual/pengendali untuk menjual kad atau kad tambah nilai "Touch 'n Go" di tempat perniagaan defendan. Pada masa itu, defendan menjalankan perniagaan stesyen minyak Petronas di Stesen Servis Petronas, Batu 9 Jalan Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur. A B

[2] Plaintif membawa tuntutan ini untuk menuntut jumlah sebanyak RM286,450 setakat 22 Julai 2006 dengan dakwaan bahawa defendan telah memungkiri pembayaran kepada nilai yang dibekalkan tersebut. C

[3] Dalam usaha untuk membuktikan kes, plaintif telah memanggil empat orang saksi. Melalui saksi-saksi ini telah dikemukakan dua dokumen penting yang dipertikaikan oleh defendan. Dokumen pertama adalah exh. P1 yang dikatakan adalah penyata akaun yang merangkumi laporan jualan dan ringkasan pembayaran. Plaintif mendakwa dokumen ini adalah mencukupi untuk membuktikan tuntutannya terhadap defendan. D

[4] Namun itu, defendan berhujah bahawa P1 tidak lengkap oleh kerana ia merupakan satu ringkasan akaun yang diambil dari dokumen-dokumen asal (source documents). Dokumen-dokumen ini tidak dikemukakan sedangkan mengikut keterangan SP1, SP2 dan SP3, rekod-rekod masih ada dalam simpanan plaintif. E

[5] Dalam kes *Popular Industries Ltd v. The Eastern Garment Manufacturing Co Sdn Bhd* [1990] 1 CLJ 133; [1990] 2 CLJ (Rep) 635, telah diputuskan: F

> It is a firmly established rule (to which there are exceptions) requiring that when documentary evidence is tendered, primary evidence of the document, that is to say the production of the documents itself, is essential. The burden of proving the existence of any circumstances bringing the case within any of the exceptions lies upon the party seeking to adduce secondary evidence of the contents of the documents. In the present case, the plaintiffs made not the slightest attempt to discharge that burden, with the result that exh. P76, which was alleged to be extracted from the books of accounts of the plaintiffs which were never produced, was inadmissible in evidence. Similarly, the oral evidence of the accountant which was based on exh. P76 was also inadmissible for the same reason. G H I

[6] Dalam perkara yang sama, Mahkamah Agung dalam kes *KPM Khidmat Sendirian Berhad v. Tey Kim Suie* [1994] 3 CLJ 1 telah juga memutuskan:

> 1. The judicial commissioner was wrong in law in relying on the summary of accounts prepared by Ah Lian, who was not called as a witness nor made available to the defendant. Moreover, the record book of the respondent, which was the source document upon which the summary of accounts was prepared, was never produced and the respondent had not been called to explain the facts and the basis of the calculation of the amount claimed.
>
> 2. When documentary evidence is tendered, primary evidence of the said document must be adduced except if it can be shown that the original record had been lost or destroyed. The burden of proving that the record book had been lost or destroyed lies on the party seeking to adduce secondary evidence of the contents of the record book. This the respondent had not done.
>
> 3. Here, although the appellant did not challenge the truth of the summary of accounts, the appellant never agreed to dispense with formal proof of the debt.
>
> 4. Since the summary of accounts were inadmissible, the respondent could not rely on any documentary evidence to substantiate his claim. His claim therefore failed.

[7] Dalam kes di hadapan mahkamah, adalah jelas daripada keterangan saksi-saksi plaintif bahawa dokumen P1 telah dihasilkan selepas merujuk kepada beberapa dokumen seperti Electronic Payment System ("EPS") Transaction Report, "bank-in slips" dan kemungkinan juga Service Provider Transaction Report dan Trade Data Log. Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa dokumen-dokumen ini adalah dokumen-dokumen asal atau "primary evidence" atau "source documents" yang perlu dikemukakan kepada mahkamah sebagai bukti.

[8] Dalam perkara ini juga, plaintif boleh mengemukakan "secondary evidence" menurut s. 65 Akta Keterangan 1950 akan tetapi dalam kes ini, plaintif hanya bergantung kepada exh. P1 untuk membuktikan kes. Oleh itu mahkamah berpendapat bahawa plaintif telah gagal membuktikan kes dengan hanya bergantung kepada exh. P1 yang bukan keterangan asal.

[9] Dokumen yang kedua yang dikemukakan oleh plaintif adalah surat defendan bertarikh 12 Mac 2007. Keterangan oleh plaintif menunjukkan bahawa satu surat penguamcara bertarih 31 Januari 2007 telah dihantar kepada defendan untuk menuntut jumlah RM286,450 berserta dengan faedah pada kadar 8% setahun.

[10] Apa yang berlaku sebelumnya adalah satu mesyuarat telah diadakan di pejabat peguam yang mana selepas itu surat bertarikh 12 Mac 2007 (exh. P2) telah dihantar kepada plaintif oleh defendan. Badan kandungan surat tersebut berbunyi berikut:

> Tuan
>
> Tunggakan Pembayaran Perkhidmatan Touch N' Go
>
> Dengan segala hormatnya dimaklumkan dan merujuk pada perjumpaan dengan tuan dan peguam tuan pada 27 Februari 2007 di syarikat peguam tuan. Saya dengan ini memohon berbanyak-banyak maaf diatas terjadinya perkara yang membabitkan wang Touch & Go ini dan ingin menyatakan bahawa saya merasa sangat malu kerana berlakunya perkara buruk ini.
>
> 2. Dalam perjumpaan berkenaan, saya telah memaklumkan bahawa saya telah menjalankan siasatan dan saya dapati wang hasil jualan Touch & Go telah diselewengkan oleh kakitangan saya. Kesemua mereka telah berhenti dan telah menghilangkan diri. Hasil perjumpaan berkenaan, saya telah diarahkan untuk mengemukakan surat dan juga laporan dari CCRIS Bank Negara Malaysia.
>
> 3. Saya dengan ini memohon untuk membayar baki tertunggak itu secara ansuran. Memandangkan saya adalah seorang yang teraniaya akibat dari penyelewengan berkenaan, saya dengan ini memohon untuk membayar secara ansuran dengan amaun sejumlah RM1,5000.00 sebulan hingga selesai. Saya mempunyai komitment yang sangat banyak dan tinggi setiap bulan yang mana jika saya diarahkan membayar dengan amaun yang melebihi RM1,500.00 sebulan, tentu menghadapi masalah kewangan yang sangat serius serta mungkin tidak mampu untuk melangsungkan kehidupan harian. Tambahan pula, wang Touch & Go yang diselewengkan berkenaan, bukanlah digunakan atau diambil oleh saya atau syarikat saya, malahan sejumlah besar wang perniagaan harian saya pun juga telah dicuri dan diselewengkan oleh mereka; yang mana ianya telah hilang terus tanpa dapat dituntut dari sesiapa pun. Saya sangat berharap budibicara, pertolongan dan ihsan tuan dan pihak tuan agar kiranya dapat membantu saya meringankan beban dan mengurangkan masalah yang saya tanggung ini.

[11] Surat ini adalah jelas surat pengakuan tentang hutang yang disebut dalam surat peguam bertarikh 31 Januari 2007 dan juga penjelasan bagaimana wang tersebut telah diselewengkan oleh kakitangan defendan.

[12] Namun itu, defendan menafikan bahawa dia telah menandatangani surat ini. Defendan juga mengatakan dalam keterangannya bahawa format dan maklumat yang terkandung dalam surat tersebut mengenai alamat, email dan nombor telefon adalah tidak betul.

[13] Dalam perkara ini, adalah jelas bahawa beban untuk membuktikan pemalsuan tandatangan adalah terletak di bahu defendan. Dalam perkara ini, mahkamah berpendapat bahawa defendan gagal untuk membuktikan pemalsuan ini oleh kerana beberapa fakta seperti berikut.

[14] Yang pertama, defendan tidak pernah membuat apa-apa laporan polis atau pun menghantar apa-apa surat kepada plaintif untuk menafikan surat tersebut. Yang kedua, tiada sebarang ujian atau analisa oleh pakar berkenaan dengan pemalsuan tandatangan diperolehi oleh defendan. Yang ketiga, tiada sebab untuk orang lain termasuk plaintif menghantar surat ini yang agak terperinci mengenai masalah yang dihadapi oleh defendan. Yang keempat dan tidak kurang pentingnya, laporan CCRIS oleh Bank Negara Malaysia yang dikemukakan bersama surat ini hanya boleh diperolehi oleh defendan sahaja.

[15] Namun itu, mahkamah juga berpendapat bahawa defendan telah memberi keterangan yang agak bercanggah mengenai surat tersebut apabila mengakui telah membuat permohonan membayar secara ansuran atas cadangan pegawai plaintif. Defendan juga telah mengakui mendapatkan laporan CCRIS dari Bank Negara Malaysia. Apa yang ganjil adalah kesemua perkara ini yang juga disebut dalam surat P2 adalah hanya dalam pengetahuan pegawai plaintif dan defendan sahaja. Adalah agak mustahil pegawai plaintif atau peguam mereka akan mereka surat P2 untuk sengaja menganiayakan defendan.

[16] Oleh itu, mahkamah bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa defendan cuba mengelirukan mahkamah dengan dakwaan yang dia tidak keluarkan surat tersebut. Mahkamah berpuashati bahawa surat pengakuan hutang itu memang dihantar oleh defendan kepada plaintif. Perkara ini juga disahkan oleh saksi-saksi plaintif.

[17] Apakah kesan surat P2 itu? Mengikut A. 27 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KMT 1980"), mana-mana pihak boleh memperolehi penghakiman sekiranya terdapat pengakuan yang jelas. Mahkamah Rayuan dalam kes *Vithal Kumar Jayaraman v Azman Md Nor* [2010] 3 CLJ 332 telah menerangkan pemakaian A. 27 k. 3 KMT 1980 dan memutuskan:

> Order 27 r. 3 of the RHC1980 enables a party to obtain speedy judgment where the other party has made a plain admission entitling the former to succeed in his claim. Order 27 r. 3 relates to admissions of fact whether in the pleadings or otherwise. The admission must be a clear admission.

[18] Dalam kes yang sama, Mahkamah Rayuan juga memutuskan:

> The words 'or otherwise' in O. 27 r. 3 of the RHC are of general application. They justify the making of an order or judgment where an admission is made by letter or other relevant documents which clearly show that the defendant has no defence to the plaintiff's claim. The words do not refer to admissions contained in pleadings alone. The failure to plead an admission is not fatal. It is not essential that an admission, which relates to and is governed by the rules of evidence, be pleaded.

[19] Mengikut kes yang sama, sesuatu pengakuan tidak perlu diplidkan oleh kerana ia merupakan keterangan dan bukti "material facts". Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah, boleh juga dirumuskan bahawa surat P2 bukan dokumen yang boleh dikatakan "privileged" berdasarkan usaha untuk cuba menyelesaikan kes bahkan kandungannya jelas menunjukkan bahawa defendan mengaku hutang serta memberi penjelasan tentang bagaimana perkara keberhutangan ini boleh berlaku dan seterusnya pohon untuk membayar balik hutang secara ansuran. Malang bagi defendan, permohonan olehnya untuk membayar hutangnya secara beransuran tidak dipersetujui oleh plaintif.

[20] Berdasarkan alasan-alasan ini, mahkamah berpuashati bahawa penghakiman terhadap defendan adalah patut dan wajar untuk jumlah tuntutan sebanyak RM286,450 mulai dari tarikh saman difailkan dengan faedah 8% setahun sehingga penyelesaian penuh. Plaintif juga berhak kepada kos tindakan yang selepas mendengar pihak-pihak ditafsirkan sebanyak RM10,000.